

Dari Sebulan ke Sebulan

Lebih dari 100 orang Kaum Ibu UMNO Pasir

Emas¹ Kelantan, telah menyerbu pejabat mufti Kelantan akibat daripada “fatwa” mengkafirkannya dikatakan disebarluaskan oleh seorang guru agama PAS terhadap orang-orang yang bekerjasama dengan orang-orang kafir. Sebenarnya al-Qur’ān adalah menyebut di dalam beberapa ayat tentang ini tetapi kerana kekuatan Islam tidak ada dan tidak pula ada kerajaan Islam yang sebenarnya dan berkuasa sekarang maka tidaklah molek rasanya kalau ada golongan-golongan terutamanya di dalam cita-cita politiknya mengkafirkannya seseorang atau sesuatu golongan kerana manfaat daripada ini tidak ada.

* * *

Di dalam menghadapi masyarakat berpolitik sekarang orang-orang atau golongan-golongan PAS janganlah hendaknya mengambil sikap yang lantang terhadap lawan dengan menggunakan ayat-ayat Allah itu tidak semata-mata untuk melakukan kekerasan sahaja. Ayat- ayat itu pula menganjurkan berbuat baik, melakukan kebijaksanaan itulah yang boleh menawan dan menarik orang cenderung kepada kita. Biasakan memberi penerangan dengan cara baik dan bijaksana supaya orang gambarkan kita – tidak dengan hanya melakukan kekerasan dan main pukul sahaja. Apalagi kalau kita di dalam memukul itu mendapat di dalam lingkungan kita sendiri masih banyak orang yang “cacat” di dalam melaksanakan tugasnya terhadap agamanya. Ini

tentunya menjadikan “berkata tetapi tidak beramal”

dan akan dicemuh orang kelak.

* * *

Kerajaan Sarawak, sebelum rombongan Bangsa-Bangsa

Bersatu tiba telah mengisyiharkan tidak boleh mengadakan perarakan-perarakan tunjuk perasaan, sama ada dari parti yang pro Malaysia ataupun yang anti Malaysia. Perisyiharan ini tentunya adil untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara terutamanya apabila kedua-duanya pertubuhan itu yang pro dan anti berarak mungkin kelak akan menimbulkan rusuhan yang bakal menimbulkan tumpah darah.

Tetapi pertubuhan “SUP” yang anti Malaysia

dan jadi alat *communist* telah membuat perarakan di Kuching dan kemudian dikatakan membuat pula rusuhan di Sibu dengan menggunakan murid-murid sekolah Cina sebagai barisan hadapannya dengan berpura-pura mereka tidak ada kena mengena dengan apa yang berlaku itu.

Perkara penafian seperti ini adalah perkara biasa tetapi orang-orang tentu mengetahui bayang keladi daripada kejadian-kejadian itu. Untungnya di dalam peristiwa ini pihak pro Malaysia yang terbanyak tidak pula mau gelojoj. Jika mereka pun jadi gelap mata tentunya payah padahnya.

* * *

Di dalam persidangan pemuda UMNO, Tengku

¹ Dalam teks Qalam bertulis: ‘Pasir Emas’ sedangkan ejaaan sebenar ialah ‘Pasir Mas’

Abdul Rahman membidas saudagar-saudagar yang menjadi Ali Baba iaitu mendapat ‘sokongan’ dari kerajaan tetapi memberikannya kepada orang lain atau lain bangsa. Sedang di dalam pada itu pula, orang-orang menuduh kerajaan tidak menolong orang-orang Melayu mengikut apa yang dikehendaki oleh mereka.

Di dalam ucapan itu Tengku telah menyedari bahawa dasar pelajaran yang ada sekarang, adalah semata-mata menghidupkan semangat kepada orang-orang Melayu suka makan gaji sahaja. Beliau menyatakan juga bahawa peluang untuk mereka bermiaga sangatlah sempit kerana “tidak ada modal dan pengalaman”.

Di dalam soal bermiaga, modal adalah soal yang kedua. Soal yang pertama ialah pengalaman kerana kalau orang telah ada pengalamannya, dengan modal yang sekecil-kecilnya sekalipun ia akan bermiaga dan tidak suka atau tidak mau makan gaji, tetapi kalau ada modal, tidak ada pengalaman maka tidak berapa lama tentunya akan gulung tikar – jangankan untung, bahkan modal termakan.

Kerana itu yang mustahak diperhatikan oleh Tengku dalam soal hendak menolong orang-orang Melayu di dalam lapangan ini ialah (1) menghidupkan semangat percaya kepada tenaga dan diri sendiri – tidak suka menggantungkan diri kepada orang lain. Ajaran ini boleh dibuat di sekolah. (2) Memberi latihan-latihan dan pengalaman-pengalaman iaitu mewajibkan perusahaan-perusahaan asing mengambil anak-anak Melayu di dalam perniagaan untuk “latihan” dengan diberi sagu hati yang kecil oleh perusahaan itu dan diberi sedikit bantuan oleh kerajaan. Latihan-latihan ini tidaklah terbiar begitu sahaja tetapi dari suatu

ke suatu masa hendaklah diselidiki oleh kerajaan sejauh mana latihan diberi kepada mereka. Dengan latihan inilah baharu mereka akan mendapat pengalaman dan berpeluang untuk berusaha sendiri kemudiannya.

Bukanlah bantuan ekonomi kepada Melayu hanya dengan menggalakkan membeli *share-share* sahaja seperti yang ada berlaku beberapa lama yang lalu dan membeli lesen-lesen kepada orang-orang yang tidak berpengalaman.

* * *

Di dalam persidangan Kaum Ibu UMNO di Kuala Lumpur baharu-baharu ini di antara lain telah diputuskan: “mendesak kerajaan mengadakan satu undang-undang yang ketat berkenaan dengan penceraian terutama bagi orang-orang yang ada isteri.”

“ Mendesak kerajaan supaya menyatu dan memperketatkan undang-undang perkahwinan dan cerai serta mengadakan jaminan untuk mendapat nafkah melalui undang-undang bagi isteri dan anak-anak apabila berlaku perceraian di kalangan kaum muslimin di negeri ini.”

Sekali imbas tujuannya bagus tetapi tidakkah nanti terjadi seperti di Singapura lalu mengadakan undang-undang dan menjalankan peraturan yang bertentangan dengan syarak Islam? Tidak ada sebaiknya jalan selain daripada menguatkuasakan undang-undang syarak di dalam perkahwinan daripada cuba mengubah-ubah undang-undang itu kerana mengikut hawa nafsu.

Umpamanya, kalau diutamakan hanya kahwin satu dan diperketatkan untuk seseorang berkahwin lagi

sedang “tenaga ada” dan tidak dapat “berpuas hati di rumah” apakah ia lebih baik berkahwin dengan halal daripada melepaskan “tidak boleh tahan” di luar sehingga bertaburan anak terbiar lihat sahaja khalwat menjadi-jadi. Ini diketahui – yang tidak tidak diketahui pun lebih banyak berlaku bukannya sahaja orang awam tetapi mereka yang disebut juga pemimpin bahkan ada khabar di antara mereka itu yang sudah ada anaknya di luar nikah. Bahkan bukan ini sahaja, ada pula orang yang – berkuat-kuat menganjurkan halangan kahwin lebih dari satu dikatakan “diam-diam” di luar.

Begitu juga cerai – janganlah dibuat seperti di Singapura, seorang suami tidak boleh menceraikan isterinya melainkan dengan persetujuan isterinya. Walhal perkara kemudahan syarak jangan dirumitkan dengan soal kebendaan kerana perkahwinan di dalam Islam tidak sekali-kali didasarkan di atas kebendaan tetapi yang lebih utama menyucikan keturunan – tidak timbul anak zina dan seumpamanya. Sebaik-baiknya bagi kaum ibu UMNO mencari dan menghidupkan usaha bagaimana supaya “suami kasih” kepadanya. Inilah satu ubat dengan amalan bukan dengan ubat-ubat yang baik untuk menawan hati suami supaya tenang dirumahnya dan supaya suka lekas pulang – tidak mencari kesenangan di luar melihat dahil licin dan senyuman manis.

* * *

Di dalam perjumpaan umum orang-orang menuntut supaya Jepun membayar sagu hati ke atas keganasan terhadap penduduk Singapura dalam masa peperangan ada segolongan

orang-orang yang sengaja mengejek-mengejek Perdana Menteri Lee Kuan Yew pada hal perjumpaan itu dianjurkan terjauh daripada maslahah politik sesuatu badan. Demikian juga puak-puak kiri, di dalam lawatan-lawatan Perdana Menteri itu ke daerah-daerah Singapura mengejek dengan menggunakan pelaung suara sedang Perdana Menteri sendiri pula melawan dan mengajak mereka “berlawan” dan berhadapan berterang-terang.

Orang sebenarnya menimbang rasa ke atas Perdana Menteri dengan perbuatan-perbuatan mereka tetapi melayan kanak-kanak atau perbuatan-perbuatan seperti itu oleh seorang Perdana Menteri di hadapan khalayak umum tidaklah molek – seolah-olah Perdana Menteri itu mengikuti tarian yang ditarikan mereka dengan tidak memandang kedudukan dan taraf dirinya. “Ludah dilawan ludah” bukannya taraf yang bijak.

Perbuatan terlalu begitu semakin menjadi-jadi kalau dibiarkan. Kuasa ada di dalam tangan Perdana Menteri. Perbuatan berleluasa jangan dibiarkan – gunakan kuasa habis perkara – jangan melayan mereka seperti orang-orang di kaki lima.

Sudah Siap:

PERSURATAN MELAYU III

\$7.00 sa-naskhah

Penerbitan Qalam: